

19 MAR 1998

Mahathir-pulih

BIAR ASIA TENGGARA PILIH JALAN PEMULIHAN SENDIRI, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Yong Soo Heong

HANNOVER, 19 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata demi keadilan, negara-negara Asia Tenggara harus dibenarkan memilih cara mereka sendiri ke arah pemulihan ekonomi.

Perdana Menteri berkata sedikit pengukuhan yang berlaku kebelakangan ini pada mata wang dan harga saham menunjukkan ianya berupaya mengembalikan keyakinan.

Berucap pada Forum Perniagaan Malaysia-Jerman di sini, Dr Mahathir berkata negara-negara Asia Tenggara yang terjejas akibat krisis ekonomi harus bertindak sekarang dan menyediakan masa depan yang lebih baik dari sekarang.

Bagaimanapun, beliau mengakui bahawa masa depan akan berbeza daripada yang dialami sebelum ini.

"Kita perlu berusaha ke arah pemulihan sekarang. Berjuta-juta orang sudahpun mengalami kekurangan makanan dan ubat-ubatan, dan merasa tidak pasti tentang apa yang akan berlaku kepada mereka. Kita perlukan tindakan sekarang," katanya.

Dalam ucapannya mengenai Asia Tenggara Selepas Krisis Ekonomi -- Cabaran dan Prospek Masa Depan -- Dr Mahathir menyentuh mengenai pelbagai isu mencabar seperti cara pemulihan, pembatalan kawal selia dan globalisasi, sama ada negara-negara maju sedia menerima berjuta-juta penganggur yang berhijrah dalam senario dunia tanpa sempadan, kapitalisme yang mementingkan sahabat dan keperluan Asia Tenggara untuk mendapatkan pelaburan langsung asing.

Perdana Menteri berkata jika terdapat kestabilan dalam kadar pertukaran asing, negara-negara Asia Tenggara boleh memilih jalan sendiri ke arah pemulihan.

Buat masa ini, katanya, mereka memerlukan bantuan dalam bentuk pelaburan asing jangka panjang, dan kesan daripada kemerosotan nilai mata wang, melabur di Asia Tenggara sekarang adalah murah.

"Mungkin ada sedikit sekatan, tetapi penduduk Asia Tenggara telah mempelajari kesilapan mereka. Mereka kini tahu apa yang baik untuk mereka dan dengan mengetahui perkara ini, mereka dapat menghadapi cabaran masa depan, tidak kira apa jua bentuk cabaran itu," katanya.

Sambil menghuraikan krisis ekonomi teruk melanda negara-negara Asia Tenggara baru-baru ini, Dr Mahathir mengimbas kembali mengenai kemajuan yang dicapai oleh "negara-negara kuasa ekonomi" Asia, yang pada satu ketika, berlumba-lumba mahu menjadi negara maju dan menjadikan abad ke-21 sebagai sesuatu untuk Asia.

"Kemudian tiba-tiba, mereka mula tergelincir, terhuyung-hayang, semakin mengecil dan kemudian tumbang. Dalam masa beberapa bulan, kekayaan ekonomi yang dicipta mereka mula hilang," kata Dr Mahathir.

Kerajaan-kerajaan mereka, kerajaan sama yang menjadi jurutera kepada apa yang dikatakan "keajaiban ekonomi" tiba-tiba didapati tidak cekap, rasuah dan dianggap mengamalkan kapitalisme yang mementingkan sahabat. Dasar dan strategi yang mereka bangunkan sebelum ini, yang sebenarnya menyumbang kepada pertumbuhan pesat dan kekayaan, tiba-tiba didapati menjadi punca kepada kejatuhan mereka.

Ini menyebabkan pelabur-pelabur hilang keyakinan terhadap negara-negara itu dan mereka mula mengeluarkan modal dan keuntungan mereka.

Perdana Menteri berkata agak aneh bahawa kerajaan yang sama dengan pemimpin, strategi dan amalan yang sama, yang selama 30 tahun mencipta apa

yang dipanggil keajaiban ekonomi, kini menyebabkan keruntuhan ekonomi, pengangguran dan kemiskinan, serta rusuhan sosial dan politik.

"Bolehkah sesuatu yang berhasil pada 1980an dan awal 1990an gagal kerana ia adalah 1997?" kata beliau sambil menambah bahawa tiada apa yang berubah kecuali masa.

Dr Mahathir berkata seseorang mungkin boleh terima bahawa jika pada Julai 1997, kerajaan telah bertukar dan tiba-tiba beberapa orang gila mengambil alih kepimpinan negara-negara Asia Tenggara.

Tetapi beliau berkata di Asia Tenggara, tidak ada perubahan kerajaan, pemimpin, dasar, strategi atau ideologi.

"Tetapi, dalam masa sebulan, kuasa-kuasa ekonomi Asia Tenggara ini semakin kurang taringnya dan menjadi anak-anak kucing yang menagih bantuan. Hilanglah kebanggaan dan cita-cita untuk menjadi negara maju, penguasaan Asia dan abad Asia," katanya.

Dr Mahathir menawarkan beberapa pilihan untuk membolehkan Asia Tenggara bergerak ke arah pemulihan dan satu daripadanya ialah mengikut "nasihat yang diberikan kepada kita untuk mengitegrasikan sepenuhnya dalam ekonomi sejagat."

Sambil mendapati negara-negara berkenaan kini bersedia untuk menghadapi pengaliran bebas modal merentasi sempadan, beliau berkata mereka bersetuju bahawa mungkin ada sedikit atau tiada langsung diskriminasi terhadap syarikat-syarikat dan barangan asing menerusi perbezaan tarif dan duti.

"Kami juga bersetuju demi keberkesanan dan pengurangan harga untuk penduduk kami, bank dan syarikat yang 100 peratus milik asing dibenarkan memasuki negara kami," katanya.

Menutup pasaran domestik akan hanya menyebabkan penduduk dibebani dengan barangan yang mahal dan tidak berkualiti, katanya.

Tetapi sebaliknya, Dr Mahathir juga membangkitkan kebimbangan beliau bahawa kemasukan barangan asing yang bebas cukai akan mengurangkan pelaburan di rantau ini.

Dalam usaha menjadikan dunia tanpa sempadan yang tidak dikawal selia lebih bermakna, Perdana Menteri berkata: "Pekerja kami harus dibenarkan bergerak merentasi sempadan dengan bebas. Kemahiran dan kesediaan mereka untuk bekerja keras adalah sama nilainya dengan kemahiran pengurusan dan teknologi penduduk dari negara-negara maju. Mereka boleh menyumbang kepada pengurangan kos dan meningkatkan produktiviti di negara-negara maju."

Sambil menyatakan Malaysia mempunyai pengalaman luas dalam menjadi tuan rumah kepada pendatang, beliau berkata hampir separuh daripada penduduk Malaysia adalah dari keturunan pendatang.

"Mereka telah memberi sumbangan besar kepada ekonomi kami. Tetapi kami tidak mampu untuk menerima lebih ramai pendatang ke negara kami."

Sambil menawarkan penyelesaian bagi mengatasi masalah Asia Tenggara yang melibatkan kira-kira setengah bilion orang, beliau berkata perlu ada pengurangan kawal selia, liberalisasi dan persejagatan berhubung pekerja-pekerja asing.

"Ia akan mewujudkan standard kehidupan yang tinggi kerana penduduk semakin kurang selepas tenaga buruhnya berhijrah. Pelabur asing sebaliknya harus dibenarkan menetap di negara mereka dan menjadikan kemahiran dan modal mereka milik negara," katanya.

Dr Mahathir juga menawarkan dua lagi penyelesaian dalam mengatasi krisis itu. Satu ialah dengan menjadikan Asia lebih Asia dan menggalakkan perdagangan lebih besar di kalangan mereka dengan menggunakan mata wang mereka sendiri.

Beliau berkata negara-negara anggota Asean telah bersetuju mengenai perkara itu dan terdapat kemungkinan ia boleh diperluaskan ke Asia Timur Laut.

Penyelesaian ketiga bagi negara-negara Asia Tenggara ialah dengan

kembali kepada sistem yang membawa mereka kemakmuran tetapi dibuat pengubahsuaian bagi mengekalkan perlindungan tertentu.

Dr Mahathir berkata terdapat kemungkinan bahawa akan ada tekanan kuat terhadap perkara ini dan negara-negara yang telah menerima syarat-syarat daripada Tabung Kewangan Antarabangsa mungkin tidak dapat memilih jalan itu.

Beliau berpendapat pendekatan ketiga bagi menguruskan negara-negara Asia Tenggara mencukupi untuk menampung tahap nasionalisme yang sederhana dan keinginan untuk mengekalkan identiti dan kebanggaan nasional.

"Mungkin dalam dunia sejagat, nasionalisme sedemikian dianggap ketinggalan zaman dan lebih baik jika kita semua melupakan bangsa atau kewarganegaraan kita demi memberikan penduduk kita kemudahan tanpa had dalam mendapatkan barangan dan perkhidmatan yang murah."

Tetapi Dr Mahathir berkata orang suka membantah dan mungkin lebih menyukai produk dan perkhidmatan mereka walaupun ia tidak cukup berkesan atau baik. -- BERNAMA

SHY NAK MAI